



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHEM)**
www.jthem.com



**BLOK BATIK UG: MENINGTEGRASI SIMBOL SEJARAH DAN
NILAI INSTITUSI UNTUK MENJANA IDENTITI VISUAL**

*INTEGRATING HISTORICAL SYMBOLS AND INSTITUTIONAL VALUES IN THE
DESIGN OF UG BATIK BLOCKS FOR VISUAL IDENTITY CONSTRUCTION*

Harozila Ramli^{1*}, Tajul Shuhaizam Said², Intan Nabihah Dimyati³, Bileron Buruntong⁴

¹ Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia
Email: harozila@fskik.upsi.edu.my

² Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia
Email: tajul@fskik.upsi.edu.my

³ Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia
Email: nabihahintan@yahoo.com

⁴ Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah
Email: bileronburuntong@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2025

Revised date: 10.10.2025

Accepted date: 24.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Ramli, H., Said, T. S., Dimyati, I. N., & Buruntong, B. (2025). Blok Batik UG: Mengintegrasikan Simbol Sejarah Dan Nilai Institusi Untuk Menjaga Identiti Visual. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 10 (42), 89-109.

DOI: 10.35631/JTHEM.1042006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah institusi pendidikan guru bersejarah dengan legasi lebih daripada satu abad yang telah melalui empat fasa pembangunan iaitu bermula sebagai Sultan Idris Training College (SITC, 1922–1977) kemudian Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI, 1977–1987) seterusnya Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI, 1987–1997) dan akhirnya menjadi UPSI sejak 1997. Setiap era mencerminkan kesinambungan tradisi keilmuan, nilai kebitaraan dan simbol warisan pendidikan kebangsaan. Kajian ini penting kerana mengadaptasi dan memvisualkan simbol, rupa bentuk bangunan serta ikon perlambangan legasi empat era tersebut sebagai asas reka cadang motif Batik Universiti Guru (Batik UG) UPSI sekali gus memperkukuh citra korporat universiti melalui medium warisan moden. Objektif kajian adalah mereka bentuk blok batik beridentiti visual UPSI berasaskan elemen sejarah, budaya dan nilai institusi. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan penyelidikan translasional berteraskan kaedah reka bentuk (*design-based research*). Kajian ini melibatkan temu bual pakar, analisis motif visual dan kolaborasi bersama penggiat industri batik tempatan. Dapatan menunjukkan penghasilan 5 komposisi motif blok batik yang berteraskan simbol dan nilai UPSI mampu menghasilkan reka bentuk visual autentik, beridentiti serta sesuai diaplikasikan dalam konteks penjenamaan rasmi universiti. Sumbangan kajian ini bukan sahaja memperkukuh imej korporat UPSI melalui batik sebagai medium warisan moden malah menyokong agenda nasional pemeliharaan

warisan budaya, memperkayakan khazanah reka bentuk tempatan dan merangsang inovasi kreatif dalam industri batik Malaysia.

Kata Kunci:

Batik, Blok Batik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Identiti Visual, Warisan Budaya, Penjenamaan Institusi

Abstract:

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) is a historic teacher education institution with a legacy spanning over a century having undergone four stages of development beginning as Sultan Idris Training College (SITC, 1922–1977) followed by Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI, 1977–1987) then Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI, 1987–1997) and finally becoming UPSI in 1997. Each phase reflects the continuity of intellectual traditions, educational excellence and symbolic heritage of Malaysia's national teacher training history. This study is significant as it adapts and visualizes the symbols, architectural forms and emblematic icons of these four eras as the foundation for the proposed motif design of Universiti Guru Batik (Batik UG) thereby strengthening the university's corporate identity through a modern heritage medium. The primary objective is to design batik block patterns that embody UPSI's visual identity based on its historical, cultural and institutional values. Employing a translational research approach grounded in design-based research, the study integrates expert interviews, visual motif analysis and collaboration with local batik artisans. Findings reveal the creation of 50 batik block motif compositions inspired by UPSI's symbols and values, resulting in authentic and distinctive visual designs with potential for official institutional branding. The study contributes not only to reinforcing UPSI's corporate image through batik as a medium of modern heritage but also supports national cultural preservation initiatives, enriches local design heritage and stimulates creative innovation within Malaysia's batik industry.

Keywords:

Batik, Batik Block, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Visual Identity, Cultural Heritage, Institutional Branding

Pengenalan

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diiktiraf sebagai institusi pendidikan guru tertua di Malaysia, memiliki sejarah yang kaya dan penuh makna dalam membina tradisi keilmuan negara. Sejak ditubuhkan sebagai *Sultan Idris Training College (SITC)* pada tahun 1922, institusi ini telah melalui proses evolusi yang panjang sehingga mencapai statusnya kini sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dalam lebih satu abad perjalanan tersebut, UPSI bukan sahaja berperanan melahirkan pendidik profesional tetapi turut mengekalkan nilai budaya, seni dan warisan bangsa sebagai sebahagian daripada identiti pendidikannya. Pada era awal SITC, kurikulum pengajian tidak hanya menekankan ilmu akademik tetapi turut merangkumi latihan kemahiran praktikal seperti membatik, menganyam, membuat tembikar, pertanian dan kraf tangan tradisional (Isa & Azlan, 2010). Penglibatan dalam seni dan kerajinan tangan ini melahirkan guru-guru yang berpengetahuan luas serta mahir dalam seni kreatif sekaligus menegaskan bahawa seni dan pendidikan merupakan dua aspek yang saling

melengkapi. Sejarah inilah yang memberikan signifikansi kepada kajian ini, iaitu usaha untuk menterjemah warisan seni tekstil ke dalam identiti visual UPSI melalui reka bentuk batik blok. Seni tekstil tradisional khususnya batik, merupakan lambang kreativiti dan kehalusan kerja tangan yang berakar umbi dalam sejarah budaya Malaysia. Batik tidak hanya berfungsi sebagai pakaian atau hiasan tetapi menjadi medium seni yang memanifestasikan falsafah, kepercayaan serta keharmonian masyarakat Melayu. Keindahan motif, kesabaran dalam proses penghasilan dan simbolik yang terkandung dalam setiap rekaan menjadikan batik sebagai representasi nilai budaya yang mendalam. Dalam konteks kontemporari, batik telah berevolusi daripada sekadar warisan tradisional kepada alat komunikasi visual moden yang digunakan dalam pelbagai bentuk termasuk penjenamaan korporat dan identiti organisasi.

Trend semasa menunjukkan bahawa seni termasuk batik, kini semakin diangkat sebagai elemen penting dalam pembentukan identiti institusi. Sebagai contoh, universiti-universiti terkemuka seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan University of California, Berkeley telah mengintegrasikan elemen seni dalam strategi penjenamaan mereka untuk mengekspresikan keunikan dan budaya institusi. Begitu juga *Rhode Island School of Design (RISD)* yang menempatkan seni sebagai teras kepada imej dan naratif universiti. Kejayaan contoh-contoh ini membuktikan bahawa seni mampu berfungsi sebagai jambatan antara warisan dan inovasi dalam membina identiti organisasi.

Berasaskan inspirasi tersebut, kajian ini bertujuan meneroka potensi batik blok sebagai medium untuk memperkukuh imej dan identiti visual UPSI. Dengan meneliti elemen sejarah, seni bina dan nilai institusi yang telah terbina sejak era SITC. Kajian ini akan menghasilkan reka bentuk blok batik yang mencerminkan keunikan, kebitaraan dan falsafah pendidikan UPSI. Melalui pendekatan ini, batik blok bukan sahaja menampilkan keindahan seni tekstil tetapi juga memperkukuh naratif UPSI sebagai universiti pendidikan yang menghargai warisan budaya dalam usaha mendepani cabaran inovasi.

Penggunaan teknik tradisional dalam proses reka bentuk batik blok yang disesuaikan dengan citarasa kontemporari diharapkan dapat menghasilkan identiti visual yang segar, relevan dan berdaya saing. Kajian ini sekaligus menempatkan UPSI sebagai institusi yang bukan sahaja menghargai khazanah budaya tetapi juga kreatif dalam menjadikan warisan tempatan sebagai alat penjenamaan strategik. Melalui integrasi seni dalam penjenamaan, UPSI berupaya menonjolkan kekuatan akademik, mempromosikan kreativiti dan memperkukuh hubungan antara warisan budaya dengan pendidikan tinggi menjadikan batik sebagai medium visual yang menyatukan tradisi dan inovasi (H. et al., 2021).

Sorotan Literatur

Batik di Malaysia bukan sahaja berfungsi sebagai tekstil tradisional tetapi turut berkembang menjadi medium seni dan komunikasi visual yang strategik dalam pembentukan identiti budaya dan penjenamaan korporat. Hassan dan Ahmad (2019) menegaskan bahawa batik membawa nilai simbolik yang melampaui fungsi pakaian semata-mata menjadikannya wahana komunikasi budaya yang berkesan dalam membentuk persepsi masyarakat. Sifatnya yang fleksibel dari segi motif, warna dan teknik memberi peluang untuk mengadaptasi nilai tradisi ke dalam konteks kontemporari seterusnya mewujudkan identiti visual yang berakar pada warisan tetapi tetap relevan dengan tuntutan semasa (Luo, 2025).

Kajian oleh Harozila Ramli dan Tajul Shuhaizam Said (2024) meneliti potensi batik sebagai medium penjenamaan yang menyatukan elemen budaya, sejarah dan inovasi. Mereka menekankan bahawa penghasilan rekaan batik berasaskan identiti institusi pendidikan bukan sahaja memelihara warisan tetapi juga mengukuhkan citra korporat melalui visual yang unik, asli dan mudah dikenali. Dalam konteks Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pemilihan simbol, rupa bentuk bangunan bersejarah dan elemen pendidikan sebagai motif Batik Universiti Guru (Batik UG) mempunyai signifikansi mendalam kerana setiap elemen tersebut mencerminkan falsafah pendidikan kebangsaan, citra ilmu dan jiwa kebitaraan universiti. Sebagai contoh, bangunan ikonik Dewan SITC bukan sekadar mercu tanda sejarah pendidikan guru di Tanah Melayu tetapi melambangkan keteguhan ilmu, kesinambungan tradisi dan semangat kemerdekaan. Apabila elemen seni bina seperti lengkung gerbang, menara jam dan corak jendela SITC diterjemahkan ke dalam motif batik ia menjadi medium yang menyatukan rupa (*form*) dan jiwa (*essence*) UPSI satu representasi visual yang menggabungkan keindahan warisan dengan aspirasi akademik moden (Kari, Samin & Legino, 2019).

Di peringkat antarabangsa, keberkesanan batik sebagai penanda identiti telah dibuktikan melalui pelbagai contoh. Misalnya *Malaysia Airlines* (MAS) memperkenalkan motif batik sebagai uniform pramugari sejak awal 1980-an yang menampilkan corak flora tempatan sebagai simbol keramahan budaya Malaysia (Mohd Nor & Ahmad, 2019). *Singapore Airlines* pula mengekalkan identiti Asia Tenggara melalui sarong kebaya berinspirasi batik yang sejak 1968 menjadi ikon global "*Singapore Girl*" (Tan, 2020). Kedua-dua contoh ini membuktikan bahawa batik bukan sekadar tekstil tetapi mampu membina naratif kebangsaan dan jenama korporat yang eksklusif serta dikenali di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini memberikan asas penting bagi UPSI untuk mengangkat Batik UG sebagai simbol kebitaraan universiti pendidikan negara.

Di Malaysia, beberapa universiti telah memanfaatkan batik sebagai elemen penjenamaan strategik. Batik Sintok Universiti Utara Malaysia (UUM) mengadaptasi flora dan fauna hutan Sintok untuk melambangkan keunikan ekosistem kampus dan hubungan harmoni antara alam dan ilmu (Ahmad & Rahman, 2020). Batik UiTM Kedah pula menampilkan elemen seni bina kampus dan warna-warna alam sekitar sebagai simbol aspirasi akademik dan identiti wilayah (Norazizan & Khalid, 2021). Contoh-contoh ini menunjukkan bagaimana elemen tempat, sejarah dan falsafah universiti boleh diterjemahkan menjadi motif batik yang bukan sahaja mencerminkan warisan tetapi juga memperkukuh naratif institusi dalam konteks penjenamaan visual.

Dari sudut teknikal, kaedah pembuatan batik turut mempengaruhi estetika dan makna simbolik motif. Dua teknik utama, iaitu batik canting (tulis) dan batik blok (cap) memberikan kebebasan ekspresi yang berbeza. Teknik canting menggunakan alat bermuncung halus untuk melakar lilin cair, menghasilkan corak yang lebih organik, kompleks dan bersifat eksklusif kerana setiap motif dicipta secara manual (Ahmad & Rahman, 2020). Sebaliknya, teknik blok menggunakan acuan tembaga atau kayu untuk mencetak lilin secara berulang yang akan menghasilkan corak yang konsisten dan sesuai untuk produksi berskala besar tanpa mengorbankan nilai estetika (Ramli & Said, 2024). Kepelbagaian teknik ini penting dalam konteks Batik UG kerana ia memberi peluang kepada pereka untuk menyeimbangkan keunikan simbolik seperti bentuk menara SITC, motif buku atau elemen pena guru dengan keperluan produksi dan aplikasi korporat seperti uniform, cenderamata dan hiasan rasmi universiti.

Menerusi Yusoff (2022) menyatakan hubungan antara motif batik dan falsafah pendidikan menjelaskan bahawa seni visual mampu menyampaikan nilai budaya, kebitaraan ilmu dan aspirasi masyarakat. Dalam konteks UPSI, pemilihan motif yang menampilkan unsur pendidikan seperti buku terbuka, obor ilmu dan imej pena dapat menjadi perlambangan kepada falsafah ilmu sepanjang hayat dan peranan universiti sebagai penerus warisan pendidikan guru. Warna-warna dalam batik juga membawa makna simbolik yang selaras dengan citra kebitaraan UPSI contohnya biru sebagai lambang kestabilan ilmu, emas sebagai kemuliaan pendidikan dan hijau sebagai harapan serta kelestarian (Tan, 2020).

Selain itu, literatur mengenai penjenamaan melalui seni menunjukkan bahawa universiti ternama seperti University of California, Berkeley dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengintegrasikan elemen seni dalam strategi visual untuk mencerminkan keunggulan akademik dan identiti budaya mereka (Yusoff, 2022). Di Amerika Syarikat, *Rhode Island School of Design (RISD)* turut menempatkan seni sebagai teras penjenamaan dan membuktikan bahawa seni berupaya meningkatkan daya tarikan institusi sambil mengungkap falsafah pendidikan. Seiring dengan itu, Batik UG UPSI berpotensi menjadi bukan sahaja cenderamata rasmi tetapi juga media komunikasi kebitaraan yang menggabungkan rupa (*form*) seperti struktur bangunan ikonik UPSI dan jiwa (*spirit*) iaitu falsafah pendidikan guru yang telah bertahan selama lebih daripada satu abad (Prasetyo, Sulaiman & Prastyanti, 2022).

Dari perspektif ekonomi kreatif, Mohd Nor dan Ahmad (2019) menekankan bahawa industri batik bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan budaya tetapi juga merangsang pertumbuhan ekonomi melalui penciptaan produk kreatif yang relevan dengan pasaran semasa. Inisiatif seperti Batik UG bukan sahaja berfungsi untuk mengukuhkan identiti UPSI tetapi juga membuka peluang kolaborasi dengan penggiat industri batik tempatan seterusnya menyokong agenda nasional dalam pemeliharaan warisan budaya dan pembangunan ekonomi kreatif. Secara keseluruhan, sorotan literatur ini menegaskan bahawa batik ialah medium strategik yang menggabungkan warisan budaya, komunikasi visual dan falsafah pendidikan. Kejayaan adaptasi batik oleh MAS, *Singapore Airlines* serta inisiatif universiti tempatan seperti Batik Sintok dan Batik UiTM Kedah membuktikan keberkesanan batik sebagai alat penjenamaan beridentiti. Dalam konteks UPSI, pemilihan motif berasaskan simbol bangunan, elemen pendidikan dan sejarah institusi untuk Batik UG bukan sahaja memperkukuh rupa dan jiwa kebitaraan universiti, tetapi juga mencipta satu bahasa visual yang dapat menyampaikan falsafah ilmu, semangat keilmuan dan legasi pendidikan guru kepada masyarakat dan dunia.


Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan *Design-Based Research (DBR)* sebagai kerangka asas penyelidikan yang dilaksanakan dalam lima (5) fasa utama. Lima (5) fasa utama yang merangkumi dua pendekatan penyelidikan yang saling melengkapi iaitu pendekatan kajian *fundamental* dan kajian gunaan (*applied research*). Pendekatan ini dipilih bagi memastikan proses pembangunan reka bentuk dapat berlaku secara menyeluruh, bermula daripada pencarian maklumat berasaskan konteks sejarah dan budaya sehingga kepada penghasilan serta pengujian produk akhir yang bersifat praktikal.

Menerusi Fasa 1 dan Fasa 2 fokus tertumpu kepada pelaksanaan kajian *fundamental* yang merangkumi aktiviti pengumpulan data berkaitan sejarah institusi, analisis elemen seni serta penilaian terhadap nilai simbolik yang terkandung dalam identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hasil daripada kajian ini, dijadikan asas kepada proses rekacipta motif yang berlandaskan elemen-elemen visual warisan seperti bentuk, corak, simbol dan pemilihan warna yang mencerminkan nilai, falsafah serta aspirasi UPSI sebagai sebuah institusi pendidikan terulung dalam bidang perguruan.

Seterusnya, Fasa 3 hingga Fasa 5 menggunakan pendekatan kajian gunaan (*applied research*) yang memberi penekanan kepada proses eksplorasi dan aplikasi rekaan secara langsung ke atas medium sebenar. Fasa-fasa ini melibatkan pembangunan dan penghasilan blok Batik UG berdasarkan reka bentuk yang telah dikenal pasti, pembinaan prototaip serta ujian keberkesanan hasil rekaan melalui teknik cetakan dan cap menggunakan blok batik. Proses ini membolehkan penyelidik menilai reka bentuk dari sudut kebolehgunaan (*usability*), kesesuaian teknik cetakan serta potensi aplikasi dalam konteks penjenamaan.

Rentetan dari semua fasa ini, penilaian turut dilakukan terhadap komposisi visual motif yang dihasilkan dengan mengambil kira prinsip asas reka bentuk sepertiimbangan, harmoni, irama dan penegasan. Penilaian ini bertujuan untuk memvisualisasikan identiti korporat UPSI secara konsisten dan berkesan melalui medium batik sekali gus memastikan bahawa hasil akhir rekaan bukan sahaja memenuhi nilai estetika dan simbolisme tetapi juga berfungsi secara praktikal dalam konteks penggunaannya sebagai produk penjenamaan universiti. Rajah 1 dibawah menunjukkan kerangka konseptual kajian.



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

Kolaborasi Strategik dalam Proses Rekabentuk dan Penghasilan Blok Batik UG

Proses penyelidikan dan penghasilan blok Batik UG dalam kajian ini turut melibatkan kolaborasi erat bersama dua tokoh berpengaruh dalam industri batik tanah air iaitu Adiguru Ghani dan Adiguru Ibrahim Deraman. Kolaborasi ini memainkan peranan penting dalam menjamin keberkesanan pelaksanaan reka bentuk dari peringkat konseptual hingga ke penghasilan produk akhir, khususnya dalam menggabungkan kepakaran teknikal dan nilai warisan dalam satu medium seni yang berfungsi secara praktikal. Sebagai langkah awal, penyelidik bertanggungjawab merealisasikan reka bentuk blok batik dengan memastikan

bahawa setiap motif yang dibangun mencerminkan nilai simbolik dan sejarah yang berakar umbi dalam identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Proses ini melibatkan pemilihan elemen visual yang sesuai, penyusunan komposisi reka bentuk serta pertimbangan teknikal yang diperlukan untuk proses cetakan batik blok.

Setelah reka bentuk dimuktamadkan, proses penghasilan blok diteruskan dengan bimbingan Adiguru Ghani, seorang pengusaha batik berpengalaman yang terkenal dengan kemahiran dalam menghasilkan blok batik tradisional. Beliau terlibat dalam proses tempahan blok batik khusus serta memberi panduan teknikal mengenai pemilihan bahan, teknik ukiran dan penjajaran motif bagi memastikan hasil ukiran menepati kehendak reka bentuk yang telah dibangun. Keprihatinan beliau dalam mengekalkan keaslian teknik tradisional sambil menyesuaikan dengan pendekatan moden amat penting dalam memastikan blok batik yang dihasilkan mengekalkan nilai estetika dan warisan tempatan.


Seterusnya, proses pencetakan blok batik dikendalikan oleh Adiguru Ibrahim Deraman, seorang pakar dalam bidang pencetakan batik blok. Beliau bertanggungjawab melaksanakan proses cetakan menggunakan blok-blok yang telah dihasilkan dengan penekanan terhadap aspek ketepatan, keseragaman dan kualiti cetakan. Proses ini bukan sahaja menilai keberkesanan motif dari aspek visual malah meneliti aspek praktikal dalam penghasilan fabrik cetakan yang sesuai digunakan sebagai pakaian rasmi atau tujuan penjenamaan korporat. Melalui kolaborasi ini, teknik dan pendekatan tradisional dalam penghasilan batik berjaya diadaptasi dalam konteks moden tanpa mengorbankan nilai asal warisan. Gabungan kepakaran pengkaji dan penggiat seni ini telah memperkukuh keberkesanan reka bentuk batik UPSI, menjadikannya bukan sahaja relevan dengan identiti dan nilai institusi tetapi juga inovatif, kontemporari dan bersesuaian untuk tujuan penjenamaan visual universiti dalam era semasa.

Fasa 1: Penyelidikan Asas (*Fundamental Research*)

Pada Fasa 1 penyelidikan memberi tumpuan kepada pengenalpastian imej-imej seni dan motif alam yang berkaitan secara langsung dengan nilai serta simbolisme pendidikan di Malaysia. Pemilihan motif dan imej ini dilakukan melalui kajian terhadap catatan pelbagai peristiwa sejarah yang dikenalpasti sebagai tanda simbolik penting dan metafora bermakna dalam pembangunan sistem pendidikan dan keguruan di negara ini. Penyelidikan dalam fasa ini melibatkan penglibatan aktif semua ahli penyelidik bagi memastikan kepelbagaian perspektif dianalisis secara menyeluruh sekali gus menjamin ketepatan dalam menentukan elemen visual yang sesuai untuk dijadikan asas dalam pembangunan reka bentuk motif batik blok. Hasil dapatan daripada fasa ini berperanan sebagai panduan awal yang signifikan bagi memastikan setiap motif yang dibangun mencerminkan identiti, falsafah dan nilai teras Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) secara autentik dan kontekstual. Jadual 1 dibawah menunjukkan ringkasan fasa 1 penyelidikan (*Fundamental Research*).

Jadual 1 : Ringkasan Fasa 1 Penyelidikan (*Fundamental Research*)

Aspek	Perincian
Fokus Penyelidikan	Pengenalpastian imej-imej seni dan motif alam yang berkait rapat dengan nilai serta simbolisme pendidikan di Malaysia.
Kaedah Pelaksanaan	Kajian terhadap catatan sejarah, visual institusi dan elemen seni budaya yang berperanan sebagai tanda simbolik dan metafora dalam pembangunan sistem pendidikan dan keguruan negara.
Penglibatan Penyelidik	Semua ahli penyelidik terlibat secara aktif untuk menjamin kepelbagaian perspektif, ketepatan analisis dan kesahihan dalam pemilihan elemen visual.
Objektif	Menentukan elemen-elemen visual yang berpotensi tinggi untuk diterjemahkan sebagai motif dalam reka bentuk batik blok.
Hasil Utama	Hasil dapatan berfungsi sebagai panduan asas dan signifikan dalam membangunkan motif yang menggambarkan identiti, falsafah dan nilai teras Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) secara autentik dan kontekstual.



© Copyright applied

Rajah 2 : Inspirasi Reka Bentuk Blok Batik UPSI I

Berdasarkan raja 2 menunjukkan tiga elemen utama yang dikenal pasti dalam Fasa 1 sebagai sumber inspirasi awal reka bentuk blok batik UPSI I ialah molekul, corak *arabesque* dan keris. Reka bentuk molekul mewakili keupayaan UPSI dalam melahirkan graduan berpengetahuan dalam bidang sains dan teknologi sekali gus mencerminkan sifat progresif universiti dalam mendukung bidang keilmuan yang bersifat saintifik dan inovatif. Manakala corak *arabesque* yang berbentuk bunga lapan kelopak, membawa makna keislaman yang mencerminkan kesucian ilmu, pendidikan dan keikhlasan serta tanggungjawab kemanusiaan sesuai dengan aspirasi UPSI dalam membentuk insan seimbang yang meliputi lapan elemen iaitu keimanan, kebijaksanaan, kebudayaan, kemasyarakatan, kenegaraan dan kecemerlangan. Sementara itu, keris simbol yang tersemat dalam logo UPSI mencerminkan warisan dan keteguhan,

melambangkan jati diri, kebijaksanaan dan tanggungjawab institusi dalam mempertahankan kedaulatan ilmu sejajar dengan kedudukannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang berakar kepada budaya tempatan. Ketiga-tiga elemen ini dipilih bukan sahaja atas pertimbangan estetika dan kebolegunaan dalam reka bentuk batik blok, tetapi juga kerana kekuatan simboliknya yang mampu menzahirkan identiti visual UPSI secara menyeluruh dan bermakna (H. & Simatupang, 2018).



© Copyright applied


Rajah 3 : Inspirasi Reka Bentuk Blok Batik UPSI II

Berdasarkan rajah 3 menunjukkan tiga lagi elemen utama lain yang dikenal pasti dalam Fasa 1 sebagai sumber inspirasi awal reka bentuk blok batik UPSI II yang memperlihatkan tiga struktur ikonik kampus yang menjadi rujukan visual utama dalam pembangunan motif batik blok iaitu Auditorium, Bangunan Kandung Suluh Budiman dan Bangunan Tadahan Selatan & Utara. Reka bentuk Auditorium telah diadaptasi sebagai motif bagi menggambarkan peranannya sebagai ruang gema ilmu dan wacana intelektual dengan garis-garis seni bina yang diterjemahkan ke dalam corak batik untuk melambangkan suara akademik yang berkembang dalam medan ilmu. Seterusnya, Bangunan Kandung Suluh Budiman yang merupakan lambang warisan sejarah pendidikan Melayu yang memberi inspirasi kepada motif yang melambangkan keteguhan sejarah, keilmuan dan kesinambungan UPSI dalam mencorakkan pembangunan modal insan sejak era awal penubuhannya.

Reka bentuk bangunan ini yang sarat dengan elemen seni bina kolonial telah dijadikan simbol kepada peranan UPSI dalam meneruskan misi pemeraksanaan bangsa melalui pendidikan. Akhir sekali, Bangunan Tadahan Selatan & Utara yang membentuk huruf 'Y' dari pandangan atas mewakili percambahan ilmu dalam pelbagai cabang termasuk sains, teknologi, bahasa dan kemanusiaan serta menggambarkan kestabilan halatuju pendidikan UPSI yang bersepadu. Ketiga-tiga struktur ini bukan sahaja berfungsi sebagai inspirasi visual yang bersifat fizikal dan simbolik tetapi turut memberikan makna mendalam kepada reka bentuk blok Batik UG yang

berteraskan naratif institusi dan nilai-nilai akademik UPSI (Sidhi, Dwiandiyanta & Dewi, 2020).

Fasa 2: Pengenalpastian dan Rekacipta Motif



Rajah 4 : Gabungan Reka Bentuk Blok Batik UG

Berdasarkan rajah 4 diatas menunjukkan hasil gabungan reka bentuk blok Batik UG yang dibangunkan dalam Fasa 2 kajian iaitu fasa yang memberi penumpuan kepada proses pengenalpastian dan pembangunan awal reka bentuk motif berasaskan elemen-elemen visual yang berkaitan rapat dengan identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dalam fasa ini, fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti imej-imej alam semula jadi, elemen seni bina kampus, simbol budaya dan visual institusi yang berpotensi tinggi untuk diterjemahkan secara estetik dan simbolik ke dalam bentuk motif blok Batik UG. Elemen-elemen yang dikenalpasti melalui Fasa 1 disaring dan dikategorikan mengikut kesesuaian tema, fungsi simbol dan hubungan nilai dengan falsafah UPSI. Penapisan ini penting bagi memastikan setiap elemen yang dipilih mempunyai kekuatan visual, makna simbolik yang jelas dan boleh disesuaikan secara teknikal dalam komposisi reka bentuk blok batik. Antara kategori utama termasuk elemen bersifat sains dan teknologi (seperti molekul), nilai tradisional dan warisan (seperti keris) serta elemen spiritual dan keseimbangan (seperti corak *arabesque* dan seni bina institusi).

Proses merekacipta motif dimulakan melalui lakaran manual yang membolehkan pengkaji meneroka ekspresi visual secara bebas serta bereksperimen dengan bentuk dan susun atur. Lakaran ini memberi ruang untuk interpretasi visual awal sebelum dibawa ke peringkat digitalisasi menggunakan perisian grafik seperti *Adobe Illustrator*. Penggunaan medium digital membolehkan reka bentuk dimurnikan dari segi ketepatan bentuk, simetri, pengulangan corak dan keseragaman garisan sekali gus memberikan fleksibiliti tinggi dalam pengubahsuaian motif mengikut keperluan aplikasi sebenar dalam bentuk cetakan. Hasil daripada gabungan pendekatan manual dan digital ini membolehkan pasukan penyelidik membangunkan pelbagai

cadangan motif yang bukan sahaja unik dari segi reka bentuk malah bernilai tinggi dari aspek simbolisme dan kesesuaian konteks UPSI sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi. Fasa ini juga berperanan penting dalam menentukan potensi aplikasi setiap reka bentuk sama ada sesuai digunakan secara tunggal atau digabungkan dalam pelbagai komposisi (seperti berulang, bertindan atau berpusat) dalam penghasilan fabrik batik yang berfungsi untuk tujuan penjenamaan, protokol atau cenderamata rasmi universiti (Kari, Samin & Legino, 2020).

Secara keseluruhannya, rajah 4 bukan sekadar menunjukkan hasil reka bentuk tetapi mewakili hasil penapisan visual dan konseptual yang telah melalui proses kreatif yang terarah, berasaskan data dan selari dengan pendekatan *Design-Based Research (DBR)* yang diaplikasikan dalam kajian ini. Gabungan motif yang dihasilkan juga memperlihatkan keseimbangan antara estetika seni dan kekuatan simbolik yang menjadi teras dalam pembinaan identiti visual UPSI melalui medium batik blok.

Fasa 3: Pembuatan Blok Batik (*Applied Research*)



Rajah 5 : Perbincangan Pengkaji bersama Pengecop Batik

Berdasarkan rajah 5 diatas menunjukkan perbincangan pengkaji bersama pengecop batik. Pada Fasa 3 merupakan peringkat penting dalam aplikasi reka bentuk di mana, rekaan motif yang telah dipilih pada Fasa 2 diperhalusi dan diterjemahkan ke dalam bentuk blok Batik UG sebenar. Proses ini melibatkan pembangunan komposisi reka atur yang sesuai dan teknikal bagi membolehkan setiap elemen motif dapat dicap dengan tepat, konsisten dan berfungsi secara estetik dalam penghasilan fabrik batik. Reka bentuk yang terpilih menjalani pelbagai semakan dan penyusunan semula susun atur motif bagi memastikan prinsip reka bentuk seperti imbalan, pengulangan, penegasan dan harmoni dapat dicapai secara menyeluruh sebelum diterjemahkan ke bentuk ukiran blok.

Sebagaimana yang dipaparkan dalam rajah 5, proses ini turut melibatkan perbincangan secara mendalam antara pengkaji dan pakar industri batik khususnya bersama pengecop batik berpengalaman. Sesi perbincangan ini menjadi ruang kolaboratif yang penting untuk menilai sejauh mana kebolehlaksanaan teknikal reka bentuk dalam konteks sebenar penghasilan blok Batik UG. Antara aspek yang dianalisis termasuk saiz elemen visual, kejelasan garisan, jarak antara motif, jenis blok yang sesuai serta ketahanan blok terhadap penggunaan berulang dalam proses pengecapan.

Dalam fasa ini, Adiguru batik memainkan peranan sebagai penasihat teknikal yang membantu penyelidik mengenal pasti potensi masalah dan memberi cadangan penambahbaikan terhadap lakaran reka bentuk sebelum proses pengukiran dilakukan. Pandangan daripada penggiat industri ini amat bernilai kerana mereka memahami batasan praktikal yang mungkin tidak disedari dalam peringkat konseptual. Selain itu, proses pemilihan bahan dan pengujian awal turut dijalankan bagi memastikan blok yang dihasilkan memenuhi piawaian dari aspek ketepatan dan kebolegunaan dalam penghasilan cetakan sebenar.

Fasa ini juga menggabungkan pendekatan *Design-Based Research (DBR)* secara aktif apabila reka bentuk diuji dan dinilai dalam konteks sebenar seterusnya diubah suai berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada pengamal industri. Iterasi antara reka bentuk dan amalan ini membolehkan penyelidik memperhalusi motif bukan sahaja berdasarkan nilai estetika tetapi juga berdasarkan aspek teknikal dan fungsi praktikal dalam produksi batik sebenar. Secara keseluruhan, Fasa 3 memastikan bahawa reka bentuk yang dihasilkan bukan sekadar menarik secara visual tetapi juga praktikal, tahan lama dan sesuai untuk diterapkan melalui teknik cap batik blok. Kejayaan dalam fasa ini menjadi asas penting sebelum beralih ke fasa penghasilan prototaip dan pengujian corak dalam Fasa 4.

Fasa 4: Penghasilan dan Ujian Prototaip Blok Batik



Rajah 6 : Pengkaji Membuat Eksperimen di atas Kepelbagaian Fabrik

Berdasarkan rajah 6 menunjukkan pengkaji membuat eksperimen di atas kepelbagaian fabrik dalam Fasa 4. Pengkaji menjalankan eksperimen pengecapan secara langsung di atas permukaan fabrik yang berbeza sebagai sebahagian daripada proses pengujian praktikal reka bentuk blok. Pelbagai jenis fabrik yang digunakan dalam eksperimen ini bagi menilai keberkesanan cetakan dalam konteks sebenar aplikasi tekstil. Setiap blok diuji dari sudut ketepatan corak, keseragaman cetakan dan kekemasan garisan pada permukaan fabrik. Ujian ini bukan sahaja bertujuan menilai aspek visual dan teknikal reka bentuk tetapi juga mengukur kesesuaian dan respons fabrik terhadap pelbagai jenis komposisi, tekanan cetakan dan pengulangan motif. Keberhasilan setiap cetakan direkodkan secara sistematik termasuk analisis terhadap komposisi reka bentuk yang dihasilkan dalam bentuk cetakan penuh.

Eksperimen ini turut merangkumi pemerhatian terhadap keharmonian antara motif dan fabrik terutamanya dalam konteks aplikasi akhir seperti pemakaian rasmi dan cenderamata. Aspek warna turut dinilai secara kritikal termasuk pemilihan warna asas fabrik dan bagaimana warna mempengaruhi keterlihatan dan impak visual motif. Proses dokumentasi dijalankan secara menyeluruh dengan mengambil gambar hasil cetakan, mencatat maklum balas pengkaji serta membuat penilaian kualitatif berdasarkan prinsip seni reka dan piawaian industri batik tempatan.

Di samping itu, sesi ujian ini membolehkan pengkaji mengenal pasti sebarang kelemahan atau kekangan teknikal yang mungkin tidak dikesan dalam peringkat rekabentuk digital atau lakaran. Sebagai contoh, sesetengah blok mungkin memerlukan pelarasan dari aspek saiz, sudut ukiran atau tekanan cetakan untuk mendapatkan hasil yang optimum. Oleh itu, proses iterasi ciri utama dalam pendekatan *Design-Based Research (DBR)* dilaksanakan dengan membuat penambahbaikan serta-merta berdasarkan penemuan eksperimen.

Secara keseluruhannya, Fasa 4 memainkan peranan penting sebagai jambatan antara reka bentuk konseptual dan penghasilan produk sebenar memastikan bahawa setiap prototaip blok batik yang dihasilkan bukan sahaja memenuhi standard estetika yang tinggi. Disamping itu, boleh diaplikasikan secara praktikal dan konsisten dalam konteks pengeluaran batik sebenar. Keberhasilan dalam fasa ini menjadi prasyarat utama sebelum beralih ke Fasa 5 iaitu proses pengecapan penuh dan cadangan akhir reka bentuk batik blok UPSI.

Fasa 5: Pengecapan dan Penilaian Reka Atur Motif Batik



Rajah 7 : Eksperimen Mengecap di Kilang Batik

Berdasarkan rajah 7 menunjukkan eksperimen mengecap di kilang batik. Menerusi Fasa 5 fasa akhir dalam pelaksanaan kajian ini menumpukan kepada proses pengecapan reka bentuk blok batik pada fabrik sebenar secara menyeluruh. Sebagaimana yang dirakam dalam rajah 7 eksperimen ini dijalankan di kilang batik dengan menggunakan blok-blok prototaip yang telah diuji dan ditambah baik dalam fasa sebelumnya. Tujuan utama fasa ini adalah untuk menilai reka atur akhir corak batik dalam konteks penghasilan sebenar dan menilai keberkesanannya dari sudut estetika, fungsi serta potensi komersial.

Dalam pelaksanaan proses ini, beberapa aspek penting dinilai secara sistematis. Antaranya ialah keserasian motif dalam susunan reka atur seperti susunan berulang (*repetition*), bertindan (*overlapping*) dan berpusat (*centralised*) yang digunakan untuk menguji kesan visual dan keseimbangan dalam reka bentuk keseluruhan. Ujian ini turut menilai konsistensi cap dan ketepatan penjajaran corak pada pelbagai jenis fabrik. Pelaksanaan teknik pengecap dilakukan secara manual oleh pengusaha batik berpengalaman dengan pengawasan rapi untuk memastikan setiap aspek teknikal dipatuhi bagi menghasilkan corak yang bersih, tajam dan seragam (M. & Hartono, 2025).

Fokus utama fasa ini ialah untuk memastikan bahawa reka bentuk akhir bukan sahaja mencerminkan penjenamaan korporat UPSI tetapi juga bersifat fleksibel untuk pelbagai aplikasi tekstil seperti pakaian rasmi, skarf korporat, cenderamata universiti dan produk komersial lain. Oleh itu, nilai-nilai teras UPSI seperti keilmuan, keteguhan, warisan dan keterangkuman dilihat dari sudut keberkesanan simbol dalam menyampaikan mesej institusi melalui medium seni tekstil. Selain penilaian visual, analisis kualitatif turut dilakukan berdasarkan maklum balas daripada pengusaha batik dan pemerhati terlibat. Mereka menilai kebolehpasaran corak dari perspektif industri, kesesuaian rekaan dengan permintaan pasaran semasa serta potensi rekaan untuk dikembangkan dalam pengeluaran berskala besar. Proses ini mendukung prinsip *Design-Based Research (DBR)* yang menekankan keperluan pengujian berulang dalam konteks sebenar serta dokumentasi hasil untuk penambahbaikan berterusan (Lias, Ismail & Hamid, 2020).

Semua penemuan daripada eksperimen ini direkodkan secara sistematis melalui fotografi, catatan pengkaji dan lembaran penilaian yang disusun sebagai dokumen rujukan untuk fasa pengeluaran dan kajian lanjutan. Dengan itu, Fasa 5 menjadi penutup yang signifikan kepada keseluruhan projek menjamin bahawa rekaan akhir bukan sahaja sah dari segi reka bentuk dan simbolisme malah praktikal dan siap untuk diguna pakai dalam strategi penjenamaan visual UPSI.

Analisis Dapatan

Lima blok batik telah dihasilkan khusus untuk mencerminkan identiti dan aspirasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (reka bentuk telah didaftarkan di bawah hak cipta © 2025 Universiti Pendidikan Sultan Idris). Setiap blok batik membawa simbol dan makna tersendiri yang berpaksikan nilai ilmu, kepimpinan dan warisan budaya Melayu. Nama-nama yang dipilih menonjolkan tema kebitaraan serta keunggulan akademik universiti. Analisis terhadap kelima-lima blok ini memberi tumpuan kepada aspek simbolik, unsur seni, prinsip reka, warna serta cadangan komposisi.

I. Mahkota Ilmu (AR2025C10783)

Reka corak ini menampilkan bentuk yang mengelilingi pusat seperti struktur kota, melambangkan kemuliaan dan ketinggian martabat ilmu. Simbol mahkota menjadi metafora kepada peranan UPSI sebagai institusi yang memayungi dan memartabatkan pendidikan, manakala susunan yang seimbang memberi gambaran kepada keteguhan dan keutuhan tradisi akademik.

II. Rantai Kebudayaan (AR2025C10785)

Berasaskan corak berulang yang saling terhubung, motif ini menjadi simbol kesinambungan pendidikan yang tidak terputus. Ia menggambarkan hubungan erat antara pendidik, pelajar dan komuniti sekaligus melambangkan jalinan tradisi keilmuan yang diwarisi dan diperkukuh dari generasi ke generasi.

III. Perisai Kebudayaan (AR2025C10784)

Gabungan motif bunga dan bentuk perisai melambangkan keseimbangan antara keindahan dan kekuatan. Ia mencerminkan keindahan nilai murni yang dipelihara dengan teguhnya prinsip dan integriti pendidikan, menjadikan UPSI sebagai benteng kebudayaan ilmu dan budaya.


IV. Bintang Ilmu (AR2025C10787)

Reka bentuk ini menonjolkan kelopak yang memancar dari pusat, menyerupai cahaya bintang. Ia menjadi lambang penyebaran pengetahuan yang luas dan memberi pencerahan kepada insan. Simbol ini selari dengan aspirasi UPSI dalam melahirkan graduan yang mampu menjadi penerang kepada masyarakat.

V. Bunga Mekar Berpaut (AR2025C10786)

Motif kelopak yang saling berpaut ini menggambarkan kolaborasi dan keterikatan komuniti akademik. Setiap kelopak yang terhubung melambangkan semangat bekerjasama, berkongsi ilmu dan membina jaringan kerjasama yang erat demi memperkukuh bidang pendidikan. Bagi memperlihatkan aplikasi motif serta makna yang terkandung di dalamnya, tiga contoh susunan komposisi dihasilkan untuk menggambarkan bagaimana kelima-lima motif blok ini dapat disusun secara harmonis dan bernilai estetika.


Bagi memperlihatkan aplikasi motif serta makna yang terkandung di dalamnya, tiga contoh susunan komposisi dihasilkan untuk menggambarkan bagaimana kelima-lima motif blok ini dapat disusun secara harmonis dan bernilai estetika.



Rajah 8 : Cadangan komposisi Motif 1

Berdasarkan rajah 8 diatas menunjukkan cadangan komposisi motif 1. Rajah 8 memperlihatkan cadangan komposisi reka bentuk blok batik yang menampilkan motif Perisai Kebitaraan sebagai elemen utama yang disusun secara berulang (*repetition*) dalam satu struktur yang terancang. Motif ini dipilih berdasarkan simboliknya yang kuat sebagai lambang keteguhan, kekuatan, perlindungan dan jati diri institusi. Perisai secara tradisi merupakan representasi ketahanan dan dalam konteks Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ia memberi maksud bahawa UPSI berperanan sebagai benteng utama pendidikan, memperkukuh nilai-nilai keilmuan dan budaya dalam masyarakat. Susun atur komposisi ini dibina berdasarkan prinsip reka bentuk seperti pengulangan (*repetition*), imbangan (*balance*) dan harmoni (*harmony*). Pengulangan motif perisai secara linear dari kiri ke kanan menghasilkan ritma visual yang stabil dan konsisten sekali gus memberi kesan keteraturan dan kesinambungan dalam naratif visual. Imbangan simetri dicapai melalui penempatan motif dalam kedudukan yang seragam, manakala penggabungan bentuk geometri dan motif warisan memberi nilai tradisional yang dimodenkan dalam penyampaian visual. Kekuatan susunan ini menyerlahkan kesatuan elemen dan kepaduan mesej visual yang menyokong aspirasi UPSI untuk tampil sebagai institusi pendidikan yang kukuh dan berprinsip.

Dari aspek warna, latar belakang dalam komposisi ini menggunakan gradasi warna biru, ungu dan merah yang dipilih dengan teliti untuk menonjolkan corak utama berwarna hitam. Pemilihan gradasi warna bukan sahaja memperkaya estetika visual, malah mengukuhkan lagi mesej simbolik di sebalik rekaan tersebut. Dari perspektif metodologi reka bentuk berasaskan penyelidikan (*Design-Based Research*) komposisi ini merupakan hasil daripada beberapa fasa pemurnian reka bentuk yang melibatkan proses iteratif lakaran, eksperimen cetakan dan penilaian praktikal oleh pakar industri. Komposisi ini bukan sahaja berfungsi sebagai elemen seni dalam bentuk batik, malah turut membawa nilai komunikasi visual yang jelas terhadap identiti korporat UPSI. Ia dapat dibezakan daripada corak batik institusi lain yang kebiasaannya bersifat generik atau hanya menampilkan simbol rasmi seperti logo atau bunga kebangsaan. Sebaliknya, motif Perisai Kebitaraan ini muncul daripada interpretasi makna falsafah universiti, khususnya berkait dengan nilai "keteguhan" dan "keunggulan" selaras dengan visi UPSI sebagai peneraju pendidikan guru negara. Secara keseluruhannya, komposisi ini tidak hanya memperlihatkan keindahan formal dalam seni tekstil tetapi berperanan sebagai manifestasi visual kepada nilai, aspirasi dan tanggungjawab institusi pendidikan tinggi.




Rajah 9 : Cadangan Komposisi Motif 2

© Copyright applied

Berdasarkan rajah 9 mempersembahkan cadangan komposisi motif 2. Cadangan komposisi ini menampilkan bintang ilmu sebagai titik tumpuan utama yang melambangkan kecemerlangan akademik dan pencerahan pengetahuan. Motif ini diletakkan di bahagian tengah bagi menarik perhatian serta menjadi fokus utama pandangan. Di sekelilingnya, bintang ilmu diapit dengan mahkota ilmu yang memberi makna kepada keagungan pendidikan, simbolik kepada peranan ilmu dalam memartabatkan sesebuah institusi. Latar belakang pula dipenuhi dengan motif rantai kebitaraan yang melambangkan kekuatan, keutuhan dan semangat berterusan dalam mengekalkan identiti serta jati diri.

Susunan motif dalam komposisi ini mengaplikasikan prinsip seni reka dengan berkesan. Penegasan jelas ditunjukkan pada bintang ilmu yang berperanan sebagai pusat komposisi, manakala imbalan wujud melalui pengulangan mahkota ilmu yang ditempatkan secara simetri di sekitarnya. Irama dan pengulangan ditonjolkan oleh rantai kebitaraan di latar belakang menghasilkan aliran visual yang berterusan dan tidak terputus. Selain itu, penggunaan warna latar bergradasi pelangi memberikan kesan harmoni dan kepelbagaian menjadikan komposisi lebih segar serta kontemporari. Secara keseluruhannya, gabungan elemen ini bukan sahaja memperindah corak batik blok malah mengangkat simbolik UPSI sebagai lambang keilmuan dan kebitaraan.



Rajah 10 : Cadangan Komposisi Motif 3

Berdasarkan rajah 10 mempersembahkan cadangan komposisi motif 3. Menerusi cadangan komposisi ini menampilkan motif perisai kebitaraan dan mahkota ilmu yang diolah daripada elemen identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Perisai kebitaraan melambangkan kekuatan, keteguhan dan daya juang, manakala mahkota ilmu melambangkan keunggulan pengetahuan serta martabat pendidikan. Kedua-dua motif ini digabungkan sebagai cadangan reka bentuk blok dengan menggunakan prinsip ulang corak (*repetition*) serta bertindan (*overlapping*) untuk menghasilkan kesan visual yang harmoni dan berlapis. Susunan komposisi blok yang dicetak berulang-ulang bukan sahaja menimbulkan ritma dan keseimbangan, malah memperlihatkan nilai simbolik yang mendalam. Tindakan motif yang saling melengkapi memberi dimensi baharu pada corak batik, seolah-olah melambangkan hubungan erat antara kekuatan jati diri dan kecemerlangan ilmu. Warna latar yang bergradasi turut menonjolkan lagi estetika komposisi sekali gus menjadikan reka bentuk ini lebih kontemporari tetapi masih mengekalkan unsur tradisi (Candra & Saptatiningsih, 2023).

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga komposisi motif yang dicadangkan menampilkan kekuatan simbolik dan nilai estetika yang tinggi. Setiap motif membawa makna tersendiri kekuatan, keunggulan ilmu, semangat berterusan dan kecemerlangan akademik. Apabila digabungkan dalam susunan berulang, bertindan dan berpusat, ia bukan sahaja mencipta corak batik yang menarik tetapi juga sarat dengan simbolik. Reka bentuk ini membuktikan bahawa warisan seni batik blok masih relevan dan boleh diperkasa melalui identiti institusi serta pendekatan kontemporari.

Rumusan Analisis

Secara keseluruhan, analisis terhadap lima blok batik UPSI dan tiga komposisi cadangan memperlihatkan bagaimana elemen seni tekstil dapat digabungkan dengan nilai intelektual, simbolik dan identiti institusi. Setiap motif Mahkota Ilmu, Rantai Kebitaraan, Perisai Kebitaraan, Bintang Ilmu dan Bunga Mekar Berpaut mengandungi makna tersendiri yang menggambarkan keunggulan ilmu, kekuatan jati diri, kesinambungan tradisi akademik serta semangat kolaboratif warga universiti. Penghasilan motif ini menonjolkan aplikasi prinsip seni reka sepertiimbangan, pengulangan, harmoni dan penegasan sekali gus memastikan setiap motif bukan sahaja indah secara visual tetapi membawa naratif yang jelas dan konsisten.

Pendekatan *Design-Based Research (DBR)* turut memperkukuh kualiti reka bentuk melalui proses iteratif yang melibatkan eksplorasi, lakaran, eksperimen cetakan dan maklum balas pakar. Ini menjadikan motif yang dihasilkan lebih autentik, berasaskan kajian serta relevan dengan falsafah UPSI sebagai peneraju pendidikan guru. Perbandingan dengan corak institusi lain menunjukkan keunikan reka bentuk ini kerana ia tidak sekadar memaparkan simbol generik tetapi menzahirkan interpretasi mendalam terhadap nilai dan aspirasi universiti. Akhirnya, ketiga-tiga cadangan komposisi membuktikan bahawa seni batik blok mampu diperkasa secara kontemporari tanpa menghilangkan akar tradisi sekali gus berpotensi besar untuk dijadikan identiti visual, cenderamata korporat dan bahan promosi rasmi UPSI.

Sumbangan Kajian kepada Seni Reka Kontemporari dan Identiti Institusi

Analisis keseluruhan ini turut menegaskan kepentingan kajian dalam konteks seni reka kontemporari, khususnya melalui penerapan *Design-Based Research (DBR)* yang membolehkan proses penghasilan motif dimurnikan secara iteratif berasaskan ujian, lakaran semula dan penilaian pakar industri (Kamarudin, Kassim, & Abdullah, 2020). Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh ketepatan reka bentuk, malah menjadikan kajian ini satu model reka bentuk berasaskan penyelidikan yang relevan untuk universiti awam di Malaysia. Dari sudut teori, komposisi motif menunjukkan penerapan jelas prinsip Gestalt seperti kesatuan (*unity*), penegasan (*emphasis*), keseimbangan (*balance*) dan kesinambungan (*continuity*) yang menyokong kekuatan visual setiap reka bentuk (Khamis, Azni, Aziz, & Aminordin, 2023). Selain itu, simbolisme Melayu yang digunakan seperti perisai, mahkota dan rantai mengukuhkan hubungan antara motif dan nilai korporat UPSI seperti keteguhan, keunggulan ilmu dan kesinambungan tradisi. Apabila dibandingkan dengan corak institusi lain yang cenderung menggunakan motif generik, reka bentuk ini memperlihatkan keaslian identiti visual UPSI yang dibangunkan melalui kerangka teori, metodologi dan warisan budaya secara lebih berautoriti.

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mencapai objektif utamanya, iaitu menghasilkan blok batik yang mencerminkan identiti visual Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui penggabungan elemen sejarah, seni bina dan nilai-nilai budaya yang menjadi teras universiti tersebut. Pendekatan *Design-Based Research (DBR)* telah digunakan secara sistematik bagi memastikan proses reka bentuk bersandarkan data, nilai dan konteks sebenar UPSI. Reka bentuk motif berasaskan warisan budaya ini telah digarap bersama penerapan teknik batik tradisional dalam kerangka visual moden sekali gus mencipta produk yang bukan sahaja bersifat estetika tetapi juga membawa mesej simbolik dan korporat yang signifikan.

Kolaborasi strategik dengan dua tokoh utama dalam dunia seni batik Adiguru Ghani dan Adiguru Ibrahim Deraman telah memberikan impak yang mendalam terhadap proses pembuatan dan penghasilan blok batik ini. Melalui kepakaran mereka, setiap blok batik dihasilkan dengan ketelitian teknikal dan artistik yang tinggi menjadikan produk akhir bukan sekadar corak visual tetapi juga satu manifestasi identiti UPSI yang boleh digunakan dalam pelbagai konteks formal dan tidak formal. Setiap motif yang dihasilkan mewakili nilai-nilai teras seperti pendidikan, kepimpinan, kebitaraan, keterikatan dan keteguhan yang menjadi tonggak kepada falsafah UPSI. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa batik blok mampu bergerak melampaui fungsi hiasan semata-mata. Ia boleh menjadi alat komunikasi visual yang kuat dalam penjenamaan sesebuah institusi terutamanya institusi pendidikan. Penghasilan batik beridentiti ini menunjukkan bagaimana seni tekstil warisan dapat disesuaikan dengan keperluan semasa tanpa mengorbankan nilai asalnya malah memperkukuh lagi penghayatan terhadap budaya tempatan.

Melangkah ke hadapan, reka bentuk ini berpotensi untuk dikembangkan dalam pelbagai bentuk aplikasi komersial seperti produk cenderamata rasmi universiti, pakaian korporat, bahan pemasaran atau hadiah kenang-kenangan. Hal ini bukan sahaja memperluas jangkauan identiti visual UPSI ke peringkat lebih luas, bahkan juga membuka ruang kepada pengkomersialan reka bentuk seni berasaskan institusi. Selain itu, model reka bentuk berasaskan DBR ini boleh dijadikan contoh kepada institusi lain dalam membangunkan identiti visual mereka melalui pendekatan seni dan budaya, seterusnya membina naratif korporat yang lebih menyeluruh dan bermakna. Di peringkat pendidikan seni, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan untuk mengintegrasikan elemen warisan dalam pengajaran reka bentuk sekali gus menyuburkan minat pelajar terhadap batik blok sebagai medium kontemporari yang relevan. Secara strategik, reka bentuk ini juga mempunyai potensi untuk dibawa ke peringkat antarabangsa melalui promosi seni warisan dalam program pertukaran budaya, ekspo pendidikan dan forum seni global. Dengan penyampaian naratif visual yang jelas dan unik, batik UPSI mampu berdiri sebagai duta budaya Malaysia yang memperkukuh imej UPSI di mata dunia.

Penghargaan

Kajian ini membuka lembaran baharu dalam inovasi seni berasaskan warisan sekali gus memperkukuh identiti UPSI sebagai institusi pendidikan yang menjunjung tinggi seni, budaya dan warisan bangsa dalam acuan moden. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Adiguru Ghani dan Adiguru Ibrahim Deraman atas kerjasama dan sokongan berharga dalam penghasilan blok batik bagi kajian ini. Sumbangan Adiguru Ghani dalam memberi panduan reka bentuk serta kepakaran Adiguru Ibrahim dalam memastikan ketelitian teknik pencetakan, telah memberi impak besar terhadap kualiti estetika dan simbolik hasil akhir. Selain itu, penghargaan turut ditujukan kepada *Research Management & Innovation Centre (RMIC)* UPSI

yang telah memberikan dana melalui Geran Translational Kod: 2024-0091-107-01 yang menjadikan pelaksanaan projek ini berjaya dan sokong bersepadu ke arah pemeliharaan serta inovasi seni warisan yang berimpak tinggi.

Rujukan

- Ahmad, S., & Rahman, N. (2020). *Symbolism in Malaysian batik design: A cultural heritage perspective*. *Journal of Southeast Asian Arts*, 12(2), 45–59.
- Candra, F., & Saptatiningsih, R. (2023). National Identity Strengthening Model Through Multicultural-Based Batik Development. *IJEDR: Indonesian Journal of Education and Development Research*. <https://doi.org/10.57235/ijedr.v1i1.1093>.
- H., & Simatupang, L. (2018). *Keris symbols in the emblem and brand logo*. 4, 76–80. <https://doi.org/10.2991/bcm-17.2018.14>
- H., et al. (2021). *Creative and innovative thinking in the holistic development of students' potentials through 'Sekolah Bitara' visual art program*. 12, 406–417. <https://doi.org/10.17762/turcomat.v12i3.745>
- Hassan, R., & Ahmad, M. (2019). *Batik as a medium of cultural communication in corporate branding*. *Journal of Cultural Studies*, 8(1), 33–48.
- Isa, B., & Azlan, S. N. (2010). *Cabaran pelaksanaan pengajaran pendidikan seni visual di muzium dan galeri seni oleh guru-guru pelatih Fakulti Pendidikan UiTM* [Paper presentation]. Seminar Dekan-Dekan IPTA, Hotel Concorde Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Kamarudin, Z., Kassim, P., & Abdullah, A. (2020). The variants and meanings of Malay motif ornamentation in the urban context: A case study of Putrajaya. *Planning Malaysia Journal*, 18(12), 287–300. <https://doi.org/10.21837/pm.v18i12.756>
- Kari, R., Samin, A., & Legino, R. (2019). *The sustainability's motif and design of fauna in Malay block batik*. *Proceedings of the International Conference on Social Sciences, Humanities, Economics and Law*. <https://doi.org/10.4108/eai.5-9-2018.2281088>
- Kari, R., Samin, M., & Legino, R. (2020). *The flora motif as design identity in local traditional block batik*. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v5isi3.2542>
- Khamis, M., Azni, Z., Aziz, S., & Aminordin, A. (2023). The integration of Gestalt theory to the graphic design. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6), 2496–2502. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i6/15449>
- Lias, H., Ismail, A., & Hamid, H. (2020). *Malaysia textile craft industry: Innovation inspired by bamboo for batik block contemporary design*. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 549(1), 012087. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/549/1/012087>
- Luo, W. (2025). *Integration and innovation of traditional painting elements in modern artistic creation*. *Academic Journal of Management and Social Sciences*. <https://doi.org/10.54097/0kp06v93>
- M., & Hartono, L. (2025). *Innovation of batik textile works using wax printing techniques: Insights from Indonesia*. *ISVS e-journal*. <https://doi.org/10.61275/isvsej-2023-12-02-04>
- Mohd Nor, F., & Ahmad, R. (2019). *Heritage as identity: Malaysia Airlines' batik uniform and national image*. *Asian Journal of Branding*, 5(3), 77–90.
- Norazizan, H., & Khalid, Z. (2021). *Institutional branding through batik: A case study of UiTM Kedah*. *Malaysian Journal of Visual Culture*, 14(1), 89–105.

- Prasetyo, P., Sulaiman, A., & Prastyanti, S. (2022). *Educational communication in learning batik as preservation of local wisdom products for the young generation*. *Technium Education and Humanities*. <https://doi.org/10.47577/teh.v3i1.7615>
- Ramli, H., & Said, T. S. (2024). *Translational design in batik branding: Integrating heritage and innovation*. *Journal of Design and Culture*, 10(1), 25–42.
- Sidhi, T., Dwiandiyanta, B., & Dewi, F. (2020). *Batik motifs detection using pattern recognition method*. *Journal of Biomedical Informatics*, 11(1), 55. <https://doi.org/10.24002/jbi.v11i1.3234>
- Tan, L. (2020). *Cultural identity and global branding: The Singapore Airlines experience*. *Journal of International Design*, 7(2), 58–73.
- Yusoff, Z. (2022). *Art and identity in higher education branding: Case studies from Malaysia and the United States*. *International Journal of Art and Design Education*, 41(3), 213–229.